



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI  
DAN KELESTARIAN ALAM**

**TEKS UCAPAN**

**NIK NAZMI NIK AHMAD  
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENUTUP SEMARAK MERDEKA PERINGKAT  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR (NRES)**

**2 SEPTEMBER 2024 (ISNIN)**

**DEWAN DAMAR SARI, BLOK F8  
PUTRAJAYA**

Terima Kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

**1. Yang Berbahagia Dr. Ching Thoo a/l Kim**

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam;

**2. Yang Berusaha Puan Norsham Abdul Latip**

Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli);

3. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah NRES;

4. Pegawai-Pegawai Kanan NRES;

5. Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian

**PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran kerana pada hari ini kita diberi peluang untuk bersama-sama berkumpul di Majlis Penutup Semarak Merdeka Peringkat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRES).
2. Saya ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur dan seluruh warga kerja NRES yang telah bertungkus-lumus menganjurkan pelbagai program dan aktiviti sempena Sambutan Bulan Kebangsaan tahun ini termasuk juga kemuncaknya pada hari ini. Usaha dan dedikasi anda adalah cerminan semangat Jiwa Merdeka yang kita raikan hari ini.

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

3. Tanggal 31 Ogos lalu, kita telah bersama-sama menyambut kemerdekaan negara kita yang tercinta ini. Dengan semangat Jiwa Merdeka, kita terapkan azam kita untuk bersama-sama mengekalkan kemerdekaan negara dan meneruskan pembangunan negara ke arah yang lebih lestari.
4. Seperti mana perjuangan leluhur terdahulu dalam mendapatkan kemerdekaan tanah air, semangat jitu dan tekad mereka dalam menghadapi sebarang ancaman dan onak duri, wajar kita jadikan pegangan dan pedoman. Ia bukan suatu perkara mudah untuk mendapatkan kemerdekaan, apatah lagi mengekalkan kemerdekaan itu. Maka, saya menyeru kepada semua untuk menghargai jasa dan pengorbanan para pejuang kemerdekaan dan janganlah kita melakukan perkara yang boleh mengundang kepada perpecahan mahupun persengketaan.
5. Dalam kita menyambut hari kebangsaan pada tahun ini, ini juga merupakan peluang untuk kita merenung tentang perjalanan kita sebagai sebuah negara. Pada tahun ini, saya akan menumpukan kepada satu perkara yang sangat dekat di hati saya iaitu membina Malaysia sebagai sebuah negara yang lebih lestari.
6. Negara kita dianugerahkan dengan pelbagai khazanah sumber asli yang menjanjikan persekitaran yang lebih sihat dan lestari. Namun, bagi menjaga anugerah Tuhan ini kita harus bertindak bersama. Kita perlu berganding bahu membuat perubahan besar bagi memelihara alam sekitar untuk memastikan generasi akan datang dapat mewarisi alam sekitar yang lebih baik.

7. Dengan tekad ini, kita bukan sahaja memberikan komitmen kepada usaha ke arah alam sekitar yang lebih lestari malah kita juga akan mengamalkan gaya hidup yang lebih hijau agar terus terpelihara untuk generasi yang akan datang.

Hadirin sekalian,

8. Seperti mana kita sedia maklum, tema pada tahun ini, “Jiwa Merdeka”, adalah tentang kebebasan yang disertai dengan tanggungjawab, dan kerjasama untuk mencapai kegemilangan. Kemerdekaan bukan sahaja bebas daripada jajahan kuasa asing, tetapi juga dari sudut pemikiran, sikap dan tingkah laku daripada sifat yang menggugat nilai murni dan jati diri.
9. Oleh itu, Hari Kebangsaan kali ini adalah satu peringatan bahawa Kemerdekaan bukan hanya tentang kebebasan daripada penjajahan, tetapi juga tentang hak dan tanggungjawab kita untuk menjaga kelestarian alam sekitar yang menjadi warisan bagi generasi akan datang.
10. Jadikanlah Kemerdekaan ini sebagai dorongan untuk memupuk kesedaran dalam diri kita tentang kepentingan memelihara alam sekitar. Bersama-sama, kita boleh memastikan bahawa kemerdekaan kita juga merangkumi keharmonian alam semula jadi, agar bumi ini kekal lestari.
11. Marilah kita terus menghidupkan semangat Jiwa Merdeka dalam setiap aspek kehidupan kita dan meraikan Hari Kebangsaan ini dengan tekad baharu untuk menjadi penjaga bumi yang lebih baik.

## PENUTUP

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

12. Akhir kata, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024 kepada semua warga Kementerian. Semoga semangat Jiwa Merdeka akan terus membara dalam diri kita semua.

Merdeka! Merdeka! Merdeka!

Dengan itu, saya sudahi ucapan saya ini dengan lafaz Wabillahi Taufiq Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.